

14/06/2000

G-15 perlu sedia terima pandangan dunia Ketiga

Manja Ismail in Kaherah

KAHERAH, Selasa - Malaysia dijangka mengukuhkan pendiriannya mengenai perlunya Kumpulan 15 Negara Membangun (G-15) diundang dalam dialog anjuran kumpulan negara perindustrian utama (G8) supaya suara Dunia Ketiga turut diambil kira dalam proses globalisasi sekarang.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang dijadualkan tiba di sini Sabtu ini untuk menghadiri sidang puncak kesepuluh G-15, dijangka mengemukakan pandangan lebih tegas mengenai globalisasi.

Mesyuarat prasadang kemuncak kali ini bermula hari ini dengan Forum Perniagaan dan Pelaburan (BIS) keenam di Le Meridian Heliopolis Hotel. Ini adalah kali kedua Kaherah menjadi tuan rumah selepas mempengerusikan sidang kemuncak G-15 pada 1998.

Usul supaya satu inisiatif bersepadu diambil oleh negara membangun ke arah mewujudkan dialog berterusan dalam forum dengan negara maju dikemukakan mesyuarat menteri luar G-15 di sidang kesembilan di Jamaica, tahun lalu.

Wakil Tetap Malaysia di Geneva, Hamidon Ali, berkata walaupun tidak ada agenda khusus dalam sidang puncak G-15 kali ini, isu mengenai globalisasi yang menimbulkan rasa tidak puas hati di kalangan negara membangun dijangka menghangatkan persidangan.

Katanya, walaupun isu globalisasi sudah beberapa kali dibahasakan di sidang puncak G-15, ketua-ketua kerajaan negara anggota kali ini dijangka lebih memberi perhatian khusus.

"Itulah sebabnya mesyuarat sambil berehat ketua-ketua negara selepas perasmian persidangan itu Isnin ini bertemakan 'Keamanan, Perlucutan Senjata dan Pembangunan'.

"Ideanya ialah jika keamanan dicapai, sesebuah negara itu boleh mengurangkan peruntukan tahunannya untuk pembelian senjata dan kos itu boleh digunakan untuk pembangunan dan ekonomi negara," katanya.

Ketika Persidangan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu Mengenai Perdagangan, dan Pembangunan di Bangkok Februari lalu, Malaysia menyatakan kesalnya kerana negara maju tidak begitu ikhlas ketika mengundang wakil negara membangun menyertai forum mereka.

Sementara itu, Forum Perniagaan dan Pelaburan hari ini membincangkan isu yang masih menjadi halangan untuk merencanakan perdagangan di antara sektor swasta negara-negara anggota.

Kata sepakat yang dicapai dalam forum itu akan dikemukakan dalam mesyuarat kelima Persekutuan Dewan Perdagangan, Perindustrian dan Perkhidmatan G-15 esok sebelum dibawa ke Mesyuarat Menteri Perdagangan lusa.

Pada mesyuarat peringkat menteri itu, Malaysia akan diwakili oleh Menteri Perdagangan dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz, yang akan tiba di sini esok.

(END)